

**TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA**

**(dibacakan oleh YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob, Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kerja Raya)**

**SEMPENA**

**MAJLIS GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA & PENGHARGAAN  
RAKAN INDUSTRI 2017**

**PADA 15 MEI 2017 (ISNIN)**

**DI AUDITORIUM  
AKADEMI BINAAN MALAYSIA WILAYAH UTARA  
SINTOK, KEDAH**

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya  
Pengurusan Kanan CIDB dan CIDB Holdings

Ketua-ketua Pegawai Operasi Akademi Binaan Malaysia

Rakan-rakan industri serta pihak media

Para ibu bapa serta pelatih yang diraikan

Seterusnya sidang hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warrahmatullah Hiwabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya dapat kita sama-sama menghadiri Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara ini.Pertama sekali, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Tajol Bin Mat Zain, Exco Pendidikan, Pengangkutan dan NGO, Negeri Kedah kerana beliau sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita di dalam majlis yang penuh bermakna pada hari ini.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada para pelatih yang diraikan pada hari ini, dan doa saya semoga saudara-saudari semua terus berjaya di dalam bidang pembinaan yang akan diceburi nanti. Semoga kejayaan ini dijadikan sebagai titik permulaan saudara-saudari untuk memperolehi masa depan dan kerjaya yang cemerlang. Saya difahamkan bahawa ramai diantara alumni ABM yang kini berada di peringkat yang membanggakan di dalam kerjaya masing-masing. Latihan kemahiran pembinaan di ABM inilah yang dijadikan titik permulaan kerjaya mereka.

## **Pencapaian ABM bagi Tahun 2017**

Para hadirin sekalian,

3. Seperti yang kitasedia maklum, ABM merupakan pusat latihan kemahiran pembinaan yang ditubuhkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi melatih tenaga kerja mahir untuk industri pembinaan negara. Terdapat enam ABM di seluruh negara iaitu Wilayah Tengah di Kuala Lumpur, Wilayah Utara di Sintok, Kedah, Wilayah Selatan di Johor, Wilayah Timur di Kuala Berang Terengganu, Wilayah Sabah di Kota Kinabalu dan Wilayah Sarawak di Kuching.
4. Dari tahun 2010 sehingga 2016, seramai 205,710 orang telah dilatih di kesemuaABM. Daripada jumlah tersebut, 165,950 adalah personel binaan yang ingin meningkatkan kompetensi mereka, dan manakala 39,760 adalah dari kalangan belia yang berminat menyertai industri pembinaan. Seramai 34,265 tenaga mahir binaanpula dilatih di ABM Wilayah Utaradi mana 27,818 adalah dari kalangan personel binaan, manakala 6,447 merupakan para belia.

Para hadirin sekalian,

5. Masih ramai anggota masyarakat kita yang memandang sepi akan peluang kerjaya di dalam bidang pembinaan. Pada dasarnya, masih ramai ibubapa dan juga golongan belia yang masih mementingkan kerjaya di dalam bidang yang memerlukan kelayakan akademik. Tetapi sebagai pemimpin industri pembinaan, kita mengetahui bahawa bidang kemahiran pembinaan mampu menjanjikan kerjaya yang lumayan pendapatannya.
6. Saya amat berbangga apabila dimaklumkan bahawa ada diantara bekas pelatih dari ABM Kedah yang berjaya mendapat pendapatan yang lebih daripada RM4,000 sebulan di dalam bidang *plumbing*, *aircond* dan juga *welding*,ini amat memberangsangkan. Bagaimanapun, kejayaan di dalam bidang apa pun juga tidak akan datang dengan sekilip mata. Yang bulat tidak akan datang bergolek, dan yang pipih tidak akan datang melayang.Para graduan ABM sendiri hendaklah cekal dalam usaha mereka untuk meningkatkan kemahiran dan mencari peluang

kerjaya.

### **Kolaborasi Industri**

7. Bagi memastikan lebih ramai belia dapat menerima latihan kemahiran yang selaras dengan keperluan industri semasa, ABM senantiasa bekerjasama rapat dengan penggiat industri pembinaan dalam memastikan modul latihan yang diguna pakai menepati keperluan industri. Setakat ini, ABM bekerjasama dengan 59 rakan industri dalam mempertingkatkan keberkesanan modul latihan yang disediakan.
8. ABM juga membawa latihan kemahiran pembinaan ke satu tahap lagi dengan memperkenalkan **program perantisan pembinaan**. Di dalam program ini, CIDB berkolaborasi dengan rakan industri untuk menempatkan lepasan latihan ABM untuk bekerja di dalam projek-projek pembinaan bagi mendapatkan pengalaman bekerja yang sebenar selepas latihan. Menerusi cara ini, mereka didedahkan dengan realiti kerja yang sebenar dan pada masa yang sama dapat meningkatkan kemahiran yang ada di bawah pengawasan dan tunjuk ajar personel binaan mahir yang telah berpengalaman.
9. Selain memberi manfaat kepada para pelatih, program ini juga memastikan rakan-rakan industri yang terlibat dapat mengenal pasti tenaga mahir bagi menampung keperluan organisasi mereka. Sejak program ini dimulakan pada 2016, seramai 604 perantis telah pun menyertai program ini.

### **Akreditasi Personel Binaan**

Para hadirin sekalian,

10. Sejak 2015, Akta Lembaga Industri Pembinaan Malaysia 520 (Pindaan 2011) mewajibkan kesemua penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir diakreditasikan, iaitu mendapatkan pentaulahan sebagai perakuan kepada bidang kemahiran mereka. Ini kerana hanya personel binaan yang telah diperakui

kemahirannya sahaja dapat menghasilkan kerja-kerja yang berkualiti, kompeten dan berproduktiviti tinggi. Penguatkuasaan akreditasi untuk semua bidang kemahiran yang tersenarai didalam jadual ketiga Akta tersebut adalah bagi memastikan hanya mereka yang telah diperakui kemahirannya dibenarkan menjalankan tugas-tugas yang memerlukan kemahiran dan kecekapan yang tinggi. Langkah ini dapat meningkatkan imej personel binaan di Malaysia supaya ia lebih menarik sebagai kerjaya pilihan.

11. Menurut Akta tersebut, jika didapati bersalah menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa pendaftaran dan yang sah dan tanpa diakreditasikan, individu terlibat boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM5,000. Penalti yang sama juga dikenakan kepada sesiapa yang mengambil pekerja yang tidak diakreditasikan untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan.
12. Oleh itu, saya menggesa penggiat industri pembinaan memastikan semua personnel mereka diakreditasikan. Selain memenuhi keperluan undang-undang, tindakan ini juga dilihat dapat meningkatkan martabat industri, termasuk tenaga mahir binaan.

## **CITP**

### **Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia**

Para hadirin sekalian,

13. Pada hari ini, kita meraikan seramai **100 orang pelatih** ABM Wilayah Utara yang berjaya menamatkan latihan mereka. Sekali lagi, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas kejayaan saudara-saudari sekalian menamatkan latihan di ABM. Gunakanlah peluang dan kesempatan yang telah diberikan untuk menimba pengalaman sebanyak yang mungkin dan memanfaatkan kemahiran yang anda ada dengan sebaiknya. Saya amat berharap lebih ramai lagi para belia di luar sana yang akan mengikut jejak langkah saudara-saudari untuk mengikuti program latihan di ABM.

## **Penutup**

14. Akhir kata, ingin saya sekali lagi mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dato' Haji Tajol Bin Mat Zain, Exco Pendidikan, Pengangkutan dan NGO, Negeri Kedahdi** atas kesudian menghadiri Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia & Penghargaan Rakan Industri 2017 dan seterusnya beliau akan merasmikannya pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

**Wabilahitaufik walhidayah wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.**